

25 OCT 1999

Rafidah-Suara

MAJORITI DIA PERTIGA PASTIKAN SUARA MALAYSIA DIDENGARI

TAIPING, 25 Okt (Bernama) -- Majoriti lebih dua pertiga yang diperolehi Barisan Nasional sehingga kini membolehkan kerajaan memperjuangkan hak Malaysia dan negara-negara membangun di arena antarabangsa, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Kalau kita hanya disokong sebahagian rakyat, memang suara kita lemah Tetapi kalau kita mendapat sokongan lebih dua pertiga, mereka (masyarakat antarabangsa) akan tahu apa yang kita nyatakan adalah hasrat rakyat Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat inkubator syarikat I-Berhad di sini hari ini.

Rafidah menafikan dakwaan pembangkang kononnya kerajaan mahu mengekalkan majoriti besar dalam Dewan Rakyat supaya ia mudah menukar perlembagaan.

"Ini bukan setakat menukar perlembagaan. Dengan adanya sokongan padu rakyat, kalau kita kata kita tidak mahu (ikut kehendak pihak lain), orang akan tahu bahawa ia adalah kehendak rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata kekuatan yang dijana melalui sokongan rakyat itu juga membolehkan Malaysia berunding dan mempunyai kuasa tawar menawar dengan masyarakat antarabangsa berkaitan isu-isu yang menyentuh kepentingannya.

Ketika diminta mengulas ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sambutan perayaan 25 tahun Barisan Nasional di Kuala Lumpur malam tadi, Rafidah yang juga anggota Majlis Tertinggi Umno berkata mesej Perdana Menteri jelas iaitu pembangunan yang dikecapi oleh rakyat pada masa ini adalah hasil usaha kerajaan BN.

"Bukan sebarang kerajaan yang dapat mewujudkan segala kemudahan itu. Walaupun nampak mudah, kalau tiada kemampuan dari segi kewangan dan perancangan, kita tidak akan dapat membinanya dengan sempurna," katanya.

Rafidah turut menyelar pihak yang menghasut orang ramai supaya tidak berterima kasih kepada kerajaan.

Golongan itu, katanya, memberi alasan kononnya memang menjadi tanggungjawab kerajaan menyediakan pembangunan dan kemudahan.

"Mereka lupa kalau kerajaan itu tidak berkemampuan seperti kerajaan PAS di Kelantan, tak akan wujud segala kemudahan itu," katanya.

-- BERNAMA

HJ MAI